

Pemimpin kerajaan perlu serlah imej semua kaum



Mohd Nasaruddin Parzi - Jun 26, 2019 @ 9:28pm
bhnews@bh.com.my



Penganalisis politik, Prof Dr Jayum Jawan. - NSTP/Effendy Rashid

KUALA LUMPUR: Perwakilan etnik yang tidak seimbang dalam Kabinet dan pentadbiran kerajaan ketika ini tidak mendatangkan sebarang masalah dalam usaha membina dan mengukuhkan perpaduan di negara ini.

Sebaliknya, pensyarah Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) yang juga penganalisis politik, Prof Dr Jayum Jawan, berkata elemen penting adalah bagaimana pemimpin itu boleh menampilkan dirinya sebagai pemimpin semua kaum.

Katanya, kriteria ini menjadi keutamaan, malah lebih ketara ditonjolkan dalam kepimpinan kerajaan ketika ini sekali gus mula mengikis politik bersifat perkauman.

"Itu satu kebaikan. Satu langkah ke hadapan untuk kita cuba mengikis politik yang bersifat perkauman. Untuk membuang terus parti yang tidak berasaskan perkauman, ia akan mengambil masa sedikit.

"Tetapi parti yang bersifat perkauman itu tidak menjadi masalah utama, apabila ahli mereka yang dilantik menjadi menteri, mereka dilantik untuk Malaysia, bukan (berideologi) PKR, UMNO atau dia Cina, maka dia mewakili Cina. Itu tidak baik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menjadi panel pada Forum Setahun Malaysia Baharu - 'Are We Less Divided as a Nation? di Taylor's University, hari ini, dihadiri lebih 100 peserta.

Turut menjadi panel pada forum itu, pensyarah kanan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mohd Rizal Mohd Yaakop serta bekas Ahli Parlimen Sungai Siput, Dr Michael Jeyakuman Devaraj.

Beliau berkata, sudah tiba masa pemimpin politik harus keluar dari kongkongan etnik dan menampilkan diri sebagai pemimpin untuk semua kaum.

"Kalau semua menteri sudah berfikiran seperti itu (terlepas dari kongkongan etnik), maka kita sudah maju setapak ke hadapan," katanya.

Beliau berkata, dalam situasi tertentu juga, memerlukan perwakilan mencukupi dalam satu-satu organisasi bagi membolehkan isu-isu berkaitan etnik tertentu diselesaikan.

"Adakalanya kita perlukan perkongsian. Berkongsi ini bukan bermakna Melayu akan kehilangan, Cina akan kehilangan, ...tidak.


Contohnya dalam sektor kerajaan dan swasta mesti seimbang dari segi perwakilan kaum ini,” katanya.

Sementara itu, Mohd Rizal berkata, rakyat perlu diberi kefahaman mengenai pendidikan politik bagi mengelakkan mereka terlalu mengikut persepsi semasa yang adakalanya tidak berorientasikan perkara sebenar.

Daripada sudut agihan ekonomi, masyarakat luar bandar dan miskin mesti terus diberi tumpuan supaya mereka tidak berasa tertindas dan diketepikan.



IKUTI KAMI DI:



BERITA

BHPLUS

Nasional

Kes

Politik

Pendidikan

Wilayah

SUKAN

DUNIA

HIBURAN

BISNES

RENCANA

WANITA

HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA

Foto

BHTV

Infografik

LANGGAN

Akhbar Digital

Akhbar BH

PERKHIDMATAN

Iklan Web

1Klassifieds

NSTP KLiK

RADIO

Dapatkan Audio+

Hot FM

Buletin FM

Fly FM

Eight FM

Molek FM